

---

**UNDANG-UNDANG  
BAGI**

---

**PERSATUAN  
ALUMNI  
VICTORIA  
INSTITUTION**

---

DIDAFTARKAN: 00-00-2010

---

**UNDANG-UNDANG**  
**BAGI**  
***PERSATUAN ALUMNI VICTORIA INSTITUTION***

**KANDUNGAN**

FASAL 1	..	NAMA
FASAL 2	..	TEMPAT URUSAN
FASAL 3	..	BENDERA, LAMBANG, DAN LENCANA
FASAL 4	..	TUJUAN/MATLAMAT
FASAL 5	..	KEAHLIAN
FASAL 6	..	BAYARAN MASUK, YURAN DAN BAYARAN LAIN
FASAL 7	..	PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI
FASAL 8	..	MESYUARAT AGUNG
FASAL 9	..	JAWATANKUASA
FASAL 10	..	KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI
FASAL 11	..	KEWANGAN
FASAL 12	..	JURUAUDIT
FASAL 13	..	PENTADBIR HARTA
FASAL 14	..	TAFSIRAN UNDANG-UNDANG
FASAL 15	..	PENASIHAT/PENAUNG DAN AHLI KEHORMAT
FASAL 16	..	LARANGAN
FASAL 17	..	PINDAAN UNDANG-UNDANG
FASAL 18	..	PEMBUBARAN

## FASAL 1 NAMA

(1)1 Pertubuhan ini dikenali dengan nama

### **PERSATUAN ALUMNI VICTORIA INSTITUTION**

Selepas ini disebut Pertubuhan.

## FASAL 2 TEMPAT URUSAN

(1) Alamat tempat urusan pertubuhan ialah di **No. 22-11-4, Desa View Towers, Jalan Klang Gate, 53100 Kuala Lumpur** atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa

(2) Alamat untuk surat menyurat ialah **No. 22-11-4, Desa View Towers, Jalan Klang Gate, 53100 Kuala Lumpur.**

Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

## FASAL 3 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA

(a) Seperti dalam Lampiran 1

## FASAL 4 TUJUAN/MATLAMAT

Tujuan pertubuhan ini ialah untuk

(1) mengeratkan hubungan baik di kalangan ahli yang terjalin sejak di bangku sekolah,

(2) menjalankan aktiviti-aktiviti seperti perjumpaan tidak formal, jamuan dan lain-lain bagi menyokong Fasal 4 (1) di atas.

## FASAL 5 KEAHLIAN

Syarat-syarat dan kelayakan untuk menjadi ahli pertubuhan adalah

(1) Seseorang yang pernah menjadi pelajar di Victoria Institution dalam sebahagian atau kesemua tahun dalam Tingkatan seperti berikut

- (i) Tingkatan 1 pada tahun 1979
- (ii) Tingkatan 2 pada tahun 1980
- (iii) Tingkatan 3 pada tahun 1981
- (iv) Tingkatan 4 pada tahun 1982, dan

- (v) Tingkatan 5 pada tahun 1983
- (2) Seseorang yang telah didaftarkan namanya dalam laman web [www.vi83.com](http://www.vi83.com) sebelum Pertubuhan ini diluluskan tidak perlu mengemukakan permohonan baru sebagai ahli. Nama-nama yang tersenarai dalam laman web tersebut akan diterima sebagai ahli berdaftar Pertubuhan secara automatik.
- (3) Tiap-tiap permohonan menjadi ahli oleh seseorang yang memenuhi kriteria Fasal 5(1) tetapi namanya belum didaftarkan mengikut Fasal 5(2), hendaklah disokong oleh seorang ahli berdaftar dan dihantar kepada Setiausaha yang dikehendaki mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk diluluskan. Jawatankuasa boleh mengikut budibicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.
- (4) Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti tersebut di atas, hendaklah setelah membayar bayaran masuk yang ditetapkan, diterima menjadi ahli Pertubuhan dan berhaklah ia sebagai ahli.

## FASAL 6 BAYARAN MASUK, SUMBANGAN DAN BAYARAN LAIN

- (1) Bayaran masuk yang perlu dijelaskan adalah **RM 10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh sahaja)**
- (2) Pertubuhan dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadap ahli yang membiarkan bayaran masuknya tertunggak melebihi satu tahun dengan syarat mereka berpuashati bahawa ahli itu mengetahui berkenaan tunggakannya terlebih dahulu.
- (3) Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang.
- (4) Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan mesyuarat agung ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sebagai hutang.

## FASAL 7 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

- (1) Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha.

- (2) Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang Pertubuhan atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik pertubuhan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagai mana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan mesyuarat agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

## FASAL 8 MESYUARAT AGUNG

- (1) Pengelolaan pertubuhan ini terserah kepada mesyuarat agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya **satu per lapan (1/8)** daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali jumlah ahli Jawatankuasa, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam mesyuarat agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.
- (2) Jika korum tidak cukup selepas dua jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas satu jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda undang-undang Pertubuhan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.
- (3) Mesyuarat Agung Tahunan bagi Pertubuhan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 30 hb Jun pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Kerja-kerja mesyuarat agung tahunan ialah:
  - (a) menerima minit mesyuarat agung tahun lalu;
  - (b) menerima laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan Pertubuhan di dalam tahun lalu;
  - (c) menerima laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu;
  - (d) memilih ahli-ahli Jawatankuasa dan juruaudit untuk tahun semasa; dan
  - (e) menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.

- (4) Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya 7 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan satu agenda mesyuarat termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan serta penyata kewangan Pertubuhan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan Pertubuhan.
- (5) Mesyuarat Agung Khas bagi pertubuhan ini boleh diadakan:
  - (a) bila difikirkan mustahak oleh jawatankuasa, atau
  - (b) atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang daripada **satu per lima (1/5)** daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Pertubuhan.
- (6) Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
- (7) Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.
- (8) Fasal 8 (1) dan 8 (2) di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas satu jam daripada waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
- (9) Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli satu salinan deraf peringatan/minit mesyuarat tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.

## FASAL 9 JAWATANKUASA

- (1) Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai-pegawai Pertubuhan hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan:

- (a) Seorang Presiden
  - (b) Seorang Timbalan Presiden
  - (c) Seorang Setiausaha
  - (d) Seorang Bendahari
  - (e) 3 orang Ahli Jawatankuasa Biasa
- (2) Pemegang-pemegang jawatan Pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Pertubuhan ini hendaklah terdiri daripada Warganegara Malaysia.
- (3) Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Semua pegawai boleh dilantik semula tiap-tiap tahun.
- (4) Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Pertubuhan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh mesyuarat agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan mesyuarat agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa mematuhi keputusan mesyuarat agung. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan.
- (5) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 3 bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli 7 hari terlebih dahulu. Presiden dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 4 orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.
- (6) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan daripada ahli-ahli jawatankuasa secara pengedaran surat pekeling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima:

- (a) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa;
- (b) Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu; dan
- (c) Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak.

Sebarang keputusan yang diperolehi melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada Mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam peringatan mesyuarat.

- (7) Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa.
- (8) Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli yang lain bagi memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.
- (9) Jawatankuasa boleh memberi perintah kepada Setiausaha dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan-urusan Pertubuhan, dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkannya mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Pertubuhan.
- (10) Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.

## FASAL 10 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

- (1) Presiden, dalam tempoh memegang jawatannya, hendaklah menjadi Pengerusi semua mesyuarat agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa

dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan mesyuarat bila telah diluluskan.

- (2) Timbalan Presiden hendaklah memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya, termasuklah menandatangani semua cek Pertubuhan.
- (3) Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran Pertubuhan mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah mesyuarat agung dan Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah tiap-tiap ahli. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. Setiausaha hendaklah dalam masa 60 hari daripada tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirimitkan penyata tahunan Pertubuhan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan, 1966.
- (4) Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Pertubuhan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan akaun berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya.
- (5) Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

## FASAL 11 KEWANGAN

- (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam undang-undang ini, wang Pertubuhan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah memeriksa kira-kira. Walau bagaimanapun, wang itu tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.
- (2) Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada **RM 500.00 (Ringgit Malaysia: Lima ratus sahaja)** pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa. Akaun bank itu hendaklah di atas nama Pertubuhan.
- (3) Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang daripada akaun Pertubuhan hendaklah ditandatangani bersama Presiden atau Timbalan Presiden bersama-sama Setiausaha atau Bendahari. Semasa ketiadaan Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha atau Bendahari maka bolehlah Jawatankuasa melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang Pertubuhan.

- (4) Perbelanjaan yang kurang daripada **RM 500.00 (Ringgit Malaysia: Lima ratus sahaja)** bagi sesuatu masa boleh dibayar dengan kelulusan Bendahari, dan perbelanjaan yang lebih daripada **RM 500.00 (Ringgit Malaysia: Lima ratus sahaja)** tetapi kurang daripada **RM 10,000.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh ribu sahaja)** bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Jawatankuasa tanpa perlu mendapatkan kebenaran mesyuarat agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang lebih daripada **RM 10,000.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh ribu sahaja)** bagi sesuatu masa pula hendaklah diluluskan dengan kebenaran mesyuarat agung.
- (5) Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh bendahari dan diperiksa oleh Juruaudit yang dilantik di bawah Fasal 12 undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata akaun yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di alamat tempat urusan Pertubuhan.
- (6) Tahun kewangan Pertubuhan ini bermula dari 1hb Januari dan **berakhir pada 31hb Disember** tiap-tiap tahun.

## FASAL 12 JURUAUDIT

- (1) Dua orang yang bukannya Pegawai Pertubuhan boleh dilantik di dalam Mesyuarat Tahunan sebagai Juruaudit. Mereka akan memegang jawatan selama satu tahun dan boleh dilantik semula.
- (2) Juruaudit adalah dikehendaki memeriksa akaun Pertubuhan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Presiden atau Timbalan Presiden mengaudit akaun Pertubuhan bagi mana-mana masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

## FASAL 13 PENTADBIR HARTA

- (1) Semua harta Pertubuhan hendaklah dinamakan atas nama Pertubuhan. Pemegang jawatan semasa dalam Jawatankuasa iaitu Presiden, Setiausaha dan Bendahari hendaklah dilantik sebagai Pegawai Pentadbir Harta mengikut Seksyen 9(b) Akta Pertubuhan 1966 dimana sijil pengesahan akan dikeluarkan oleh Pendaftar Pertubuhan kepada mereka. Mereka diamanahkan semua harta kepunyaan Pertubuhan untuk ditadbir. Mereka akan menjalankan tugas sebagai Pegawai Pentadbir Harta selagi mereka memegang jawatan berkenaan di dalam Pertubuhan.

- (2) Pegawai Pentadbir Harta tidak boleh menjual, menarik balik atau menukar milik harta kepunyaan Pertubuhan tanpa persetujuan Mesyuarat Agung Pertubuhan.
- (3) Sekiranya seseorang Pegawai Pentadbir Harta itu tidak lagi memegang jawatan dalam Pertubuhan seperti Fasal 13(1), maka kuasanya dengan sendirinya terlucut. Jawatankuasa berkuasa melantik ahli yang lain bagi mengisi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung yang akan datang.

## FASAL 14 TAFSIRAN UNDANG-UNDANG

- (1) Di antara berlangsungnya mesyuarat agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa, jika mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang.
- (2) Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam mesyuarat agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan mesyuarat agung.

## FASAL 15 PENASIHAT/PENAUNG DAN AHLI KEHORMAT

- (1) Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat/Penaung bagi Pertubuhan ini dengan syarat orang-orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis.
- (2) Jawatankuasa boleh menerima seseorang yang pernah menjadi guru di Victoria Institution dalam sebahagian atau kesemua tahun di antara tahun-tahun 1979 hingga 1983 sebagai ahli Kehormat.

## FASAL 16 LARANGAN

- (1) Sebarang bentuk perjudian seperti yang ditafsirkan dalam Jadual 1 dan 2, Akta Rumah Judi Terbuka 1953 tidak boleh dimainkan di premis Pertubuhan.
- (2) Pertubuhan atau ahli-ahlinya tidak harus cuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti definisi dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959;

- (3) “Faedah” seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, tidaklah boleh diberikan oleh Pertubuhan kepada mana-mana ahlinya.

## FASAL 17 PINDAAN UNDANG-UNDANG

Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan mesyuarat agung. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari daripada tarikh keputusan mesyuarat agung meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

## FASAL 18 PEMBUBARAN

- (1) Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada jumlah ahli yang menghadiri dalam suatu mesyuarat agung yang dipanggil khas kerananya.
- (2) Sekiranya Pertubuhan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan Pertubuhan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam mesyuarat agung berkenaan.
- (3) Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.

.....

Presiden

Nama: JIMJALI BI AHMED

.....

Setiausaha

Nama: ADNAN BIN ABDUL SALAM

## LAMPIRAN 1 LENCANA PERTUBUHAN

- (a) Huraian mengenai rekabentuk dan warna lencana Pertubuhan

(b) Contoh Lencana



- Bangunan “E-Shape” merupakan ikon Victoria Institution
- Dua warna biru iaitu muda dan tua; adalah warna rasmi Victoria Institution
- Bangunan diluar “Oval” pertama melambangkan persahabatan yang terus kekal selepas Victoria Institution.
- “Oval” warna putih melambangkan keikhlasan dalam persahabatan diantara ahli-ahlinya
- [www.VI83.com](http://www.VI83.com) merupakan web rasmi Persatuan